

Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 231-242

ISSN. 2548-6160

International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

Available online: <http://ojs.umsida.ac.id/index.php/icecrs>

Article DOI: <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.605>

MANIFESTASI DAN PENGHAYATAN *ASMAUL HUSNA* DALAM DIRI PENGKARYA DAN KARYA SASTERA

Mohamad Azmi Bin Ab. Rahman

azmi214@uum.edu.my

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK: Makalah ini bertitik tolak daripada maksud ayat al-Quran, “Dan Allah memiliki Asmaul Husna (nama-nama yang terbaik), maka bermohonlah (berdoalah) kepada-Nya dengan menyebut Asmaul Husna itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyalahertikan nama-nama-Nya. Mereka kelak akan mendapat balasan terhadap apa yang mereka kerjakan” (Surah Al-A’raf: 180). Asmaul Husna dijelmakan dan dihayati dalam pelbagai segi kehidupan manusia muslim sebagai hamba-Nya; Rukun Iman, Rukun Islam, amalan zikir, bacaan dalam solat, lafaz doa solat fardu lima waktu dan solat sunat, misalnya solat Duha dan Taubat. Penghayatan dan penelitian Asmaul Husna itu mencetuskan ilham penulis untuk menyelami teks puisi Kita Tidak Selamanya Di Sini (2014) karya Anjanglie dan Sebentar Di Sini (2015) karya Ria Asmira. Penelitian awal ini sebagai permulaan penulis dalam usaha mengaitkan Asmaul Husna dengan karya sastera khususnya puisi (sajak). Manifestasi Asmaul Husna dapat dikesan manifestasinya sama ada secara tersurat atau tersirat, antaranya Al-Wahid (Yang Maha Esa), Al-‘Adzim (Yang Maha Agung), Al-Ghofur (Yang Maha Pengampun), Al-Qayyum (Yang Maha Berdiri Sendiri), Al-Affuw (Yang Maha Pemaaf) dan Al-Mumit (Yang Maha Mematikan), Al-Aziz dan Al-Jabbar (Allah Yang Maha Kuat/ Perkasa) dan Allah Yang Maha Mengetahui (Al-Alim). Selain itu, persoalan kasih sayang manusia terungkap dalam makna nama Allah Yang Maha Pengasih (Ar-Rahman) dan Ar-Rahim (Allah Yang Maha Penyayang). Berdasarkan penelitian terhadap teks puisi tersebut, dapatlah dirumuskan sebagai hamba yang muslim, lafaz pernyataan “sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku, dan matiku hanya untuk dan kerana Allah Tuhan Yang Menguasai Segala Alam” bahawa mutlak benar dan yakin bahawa segala-galanya adalah milik Allah SWT.

KATA KUNCI: penghayatan, Asmaul Husna, pengkarya, karya sastera

TERILHAM *ASMAUL HUSNA* DALAM PUISI

Pengenalan ini ditulis sebagai senario penulis menghayati, mengamalkan dan mendalami *Asmaul Husna*. Kemudian, penulis memikirkan dan mendapat ilham bahawa *Asmaul Husna* boleh dimanfaatkan terhadap penghasilan karya sastera dan penelitian terhadap karya sastera, misalnya teks puisi. Puisi pula jelas merupakan suatu pengucapan dalam susunan yang istimewa yang dimanifestasikan dalam bentuk lisan, tulisan, dan elektronik selari dengan perkembangan teknologi terkini. Malahan puisi Melayu tradisional yang merupakan sebahagian daripada puisi tradisional Nusantara yang mempunyai bentuk, isi, dan fungsi tersendiri dapat dikesan manifestasi *Asmaul Husna*. Meskipun puisi Melayu tradisional masih belum dapat dikonkritkan dengan jelas, namun genre puisi Melayu tradisional dikatakan terdapat 34 genre, misalnya pantun, syair, gurindam, seloka, dikir, zikir dan peribahasa (Harun Mat Piah, 1989).

HANYA UNTUK DAN KERANA ALLAH SWT

Meneliti, menghayati dan memahami apa jua karya sastera dalam pelbagai genre dan diri pengarang atau pengkarya (penyair, cerpenis, novelis, penulis skrip atau penulis lirik) sebenarnya sebagai hamba-Nya pasti

memanifestasikan sama ada secara tersurat atau tersirat *Asmaul Husna* (Nama-nama Allah Yang Terbaik) dalam setiap perlakuan hidup hamba-Nya; ibadah solat wajib dan sunat serta doa yang dipohon kepada Allah SWT. Malahan asas pegangan dan keyakinan yang kukuh berkaitan *Asmaul Husna* adalah berdasarkan wahyu Allah dalam al-Quran yang diterjemahkan maksudnya:

“Dan Allah memiliki *Asmaul Husna* (nama-nama yang terbaik), maka bermohonlah (berdoalah) kepada-Nya dengan menyebut *Asmaul Husna* itu dan tinggalkanlah orang-orang yang menyalahertikan nama-nama-Nya. Mereka kelak akan mendapat balasan terhadap apa yang mereka kerjakan” (Surah Al-A’raf: 180).

Rukun Iman dan Rukun Islam menjadi dasar seseorang hamba-Nya yang beragama Islam ada kaitan erat dengan *Asmaul Husna*. Rukun Iman terkandung enam perkara, iaitu beriman kepada Allah SWT, para malaikat, kitab-kitab Allah, para Rasul Allah, Hari Kiamat atau Akhirat dan Qadak dan Qadar (ketentuan Allah). Manakala Rukun Islam pula lima perkara, iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah, mengerjakan solat lima waktu sehari semalam, mengeluarkan zakat, menunaikan puasa pada bulan Ramadan, dan menunaikan ibadah Haji.

Selain itu, *Asmaul Husna* dan pernyataan mulia seorang hamba Allah diungkapkan dalam lafaz doa Iftitah bermaksud:

“Allah Maha Besar lagi Sempurna Kebesaran-Nya. Segala puji bagi Allah sebanyak-banyaknya Maha Suci Allah sepanjang pagi dan petang. Sesungguhnya wajahku kuhadapkan kepada Zat yang menciptakan langit dan bumi, kuhadapkan dengan lurus serta pasrah diri dan aku bukan golongan orang musyrik. Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku, dan matiku hanya untuk dan kerana Allah Tuhan Yang Menguasai Segala Alam. Tidak ada yang menyekutukan-Nya dan aku dari golongan orang Islam” (Fatihuddin Abul Yasin, 2013, h. 77-78).

Jika dihayati doa solat Taubat, termaktub pengakuan syahadah dan beberapa *Asmaul Husna*, misalnya Al-Wahid (Yang Maha Esa), Al-‘Adzim (Yang Maha Agung), Al-Ghofur (Yang Maha Pengampun), Al-Qayyum (Yang Maha Berdiri Sendiri), Al-Affuw (Yang Maha Pemaaf) dan Al-Mumit (Yang Maha Mematikan). Terjemahan doanya adalah seperti berikut:

“Ya Allah, Engkaulah Tuhanku, tidak ada Tuhan kecuali Engkau. Engkau telah menciptakan aku dan aku adalah hamba-Mu dan hamba pasti menurut ketentuan-Mu, dan janji-janji-Mu sesuai keampunanku. Aku minta penjagaan-Mu dari buruknya segala perbuatanku. Aku mengakui segala nikmat yang Engkau berikan dan mengakui dengan dosaku. Aku memohon keampunan kepada-Mu Allah Yang Maha Agung, yang tiada Tuhan kecuali Dia. Dia Yang Maha Hidup dan Berdiri Sendiri dan aku bertaubat kepada-Nya iaitu akan kesengsaraan dan kemanfaatannya tidak boleh menguasai hidup matinya dan tidak boleh menguasainya lagi sesudah mati” (Fatihuddin Abul Yasin, 2013, h.183-184).

Jika kita menghayati doa solat Duha, jelaslah *Asmaul Husna* yang dijelmakan dan diserahkan kepada Allah SWT segala-galanya. Terjemahan doanya adalah seperti berikut:

“Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, segala puji bagi Allah, Tuhan Yang Menguasai Segala Alam. Ya Allah, sesungguhnya waktu Duha ini adalah waktu Duha-Mu, keindahan ini adalah keindahan-Mu, kecantikan ini adalah kecantikan-Mu, kekuatan ini adalah kekuatan-Mu, kekuasaan ini adalah kekuasaan-Mu dan perlindungan ini adalah perlindungan-Mu. Ya Allah, seandainya rezekiku masih berada di langit, Kau turunkanlah ia. Seandainya ia berada di dalam bumi, Kau keluarkanlah ia. Seandainya ia sukar, Kau permudahkanlah ia. Seandainya ia dalam keadaan haram, Kau sucikanlah. Seandainya ia jauh, maka dekatkanlah yang semuanya dengan waktu Duha-Mu, keagongan-Mu, keindahan-Mu, kecantikan-Mu, kekuatan-Mu, dan kekuasaan-Mu, Ya Allah, semoga Engkau memberikan sesuatu kepadaku sebagaimana Engkau berikan kepada hamba-hamba-Mu yang soleh. Tuhan kami, berilah kami kebaikan dunia, kebaikan akhirat dan jauhkanlah kami dari seksa api neraka. Dan Allah tetap mencurahkan kesejahteraan dan keselamatan kepada junjungan kami Nabi Muhammad SAW kepada keluarga dan para sahabatnya. Dan segala puji untuk Allah, Tuhan yang menguasai segala alam” (Fatihuddin Abul Yasin, 2013, h. 160-161).

Dalam doa solat Duha, *Asmaul Husna* yang dimanifestasikan, misalnya Al-Wahhab (Yang Maha Pemberi), Al-Ghonyi (Yang Maha Kaya), Ar-Razzaq (Yang Maha Pemberi Rezeki), Ar-Rahman (Yang Maha Pengasih), Ar-Rahim (Yang Maha Penyayang) dan Al-Malik (Yang Maha Berkuasa).

TERILHAM “GURINDAM ASMAUL HUSNA”

Pengalaman penelitian “Gurindam Dua Belas” mencetuskan ilham menghasilkan “Gurindam Asmaul Husna (99 Nama Allah).” Meskipun banyak pendapat tentang gurindam, namun model gurindam yang dijadikan panduan bagi penciptaan dan penggubahan “Gurindam Asmaul Husna” adalah “Gurindam Dua Belas” (2003) karya Raja Ali Haji. Istilah gurindam sebagai suatu istilah yang diterima umum adalah berdasarkan “Gurindam Dua Belas” karya Raja Ali Haji yang dikarang sekitar tahun 1846 (Harun Mat Piah, 1989). Menurut Raja Ali Haji, gurindam terbentuk dua baris yang sejajar atau berpasangan; baris pertama dianggap syarat (*protasis*), dan baris kedua sebagai jawab (*apodosis*). Antara ciri-ciri khusus gurindam, adalah: (a). bentuknya bebas, dan tidak terikat dari segi rangkap atau larik, (b). bentuk yang terikat iaitu dua baris serangkap dengan mengambil kira model “Gurindam Dua Belas” yang berskema rima sama hujung baris, (c). mempunyai ciri-ciri puisi tradisional, misalnya rima antara baris-baris sejajar atau terdapat unsur aliterasi atau asonansi dalam setiap baris, (d). isi gurindam terungkap hal yang benar, serius atau perasaan yang berat, dan (e). fungsi gurindam bukan dalam maksud bercerita seperti dalam prosa, seloka, mantera, dan teka-teki (Harun Mat Piah, 1989).

Saya memikirkan banyak nama Allah SWT yang sekian lama saya jadikan amalan. Sejak sekolah menengah atas, pernah ustaz yang mengajar subjek sejarah Islam, Abdullah Al-Qari (2012) berpesan kepada anak-anak muridnya bacalah dengan yakin nama Allah, Ya Nur supaya Allah memberi ingatan yang kuat, dan tidak mudah lupa kerana Allah Yang Maha Bercahaya. Nama-nama Allah SWT yang memang sebatiji menjadi amalan saya, antaranya adalah Ya Allah, Ya Rahman, Ya Awwal, Ya Rahim, Ya Waliy, Ya Sobur, Ya Musawwir, Ya Razzaq, Ya Mutakabbir, Ya Salam, Ya Karim, Ya Raqib, dan Ya Muhyi. Setiap nama Allah SWT ini ada fadilat tersendiri. Hanya Allah SWT Yang Maha Mengetahui. Seterusnya, saya masih menghayati, dan menyelami rahsia 99 nama Allah SWT yang tidak terjangkau akal manusia. Selain itu, siri bengkel dan ceramah tentang Asmaul Husna yang disampaikan oleh Dr. Wan Maseri Bt. Wan Mohd. di Universiti Utara Malaysia (UUM) banyak memberi manfaat dalam usaha saya mengarang gurindam dan menghayati roh Asmaul Husna dalam kehidupan harian.

Benarlah pernyataan bahawa *Asmaul Husna* merupakan nama-nama Allah Yang Maha Indah yang hanya milik Allah SWT. Allah berfirman dengan maksud, “Allah Taala memiliki Asmaul Husna (nama-nama yang terbaik), maka bermohonlah kepada-Nya dengan menyeru nama-nama-Nya itu, dan tinggalkan orang-orang yang menyalahertikannama-nama-Nya. Mereka kelak akan mendapat balasan terhadap apa yang mereka kerjakan,” (Al-A’raf: Ayat 180). Saya bertambah yakin dengan firman Allah tersebut, dan ditambah lagi amalan harian bagi tujuan tertentu dengan Asmaul Husna.

Nama-nama Allah bukan sekadar nama tetapi mempunyai khasiat atau fadilat yang menjadi amalan (Akmal Muhammad Zain, 2010). Saya masih lagi mentelaah buku-buku baru tentang *Asmaul Husna*; misalnya selepas selesai mengarang “Gurindam 99 Nama Allah” saya mentelaah pula buku kajian oleh Akmal Muhammad Zain (2010), Adil Akhya (2010), Mohd Fauzi Hamat & Mohd Hasrul Shuhari (2011), dan Hassan Mia (2012). Kajian di peringkat sarjana tentang *Asmaul Husna* diusahakan oleh Zakaria (2015) dengan mendalami novel *Tuhan Lebih Sainifik* (2015) karya Farhan Hadi.

Untuk tujuan makalah ini, teks puisi *Kita Tidak Selamanya Di Sini (KTSDS)* karya penyajak Anjanglie (2014) dan kumpulan puisi *Sebentar Di Sini* (2015) karya penyajak Ria Asmira daripada Kedah dipilih sebagai data penelitian awal makalah ini. Tidak semua 99 nama Allah (*Asmaul Husna*) dalam kumpulan puisi Anjanglie dan Ria Asmira akan diteliti. Saya hanya memaparkan dan mengesankan makna nama-nama tertentu Allah dalam puisi yang menyerlahkan makna nama Allah sebagai contoh berdasarkan senarai 99 nama Allah dalam senarai (Lampiran A).

“Kita Tidak Selamanya Di Sini (2)” (Al-Baqi. Yang Maha Kekal)

Judul kumpulan puisi Anjanglie (2014), *Kita Tidak Selamanya Di Sini (KTSDS)* jelas mengundang makna bahawa sebagai hamba-Nya, tidak kekal di bumi ini. Setiap hamba-Nya yang hidup di atas muka bumi ini pastinya akan kembali kepada-Nya. Roh akan berpisah daripada jasad. Hanya Dia Yang Maha Kekal. *KTSDS* ini memuatkan 100 puisi yang pernah disiarkan dalam pelbagai media cetak bermula 1996 hingga 2012. Puisi dalam *KTSDS* menyerapi roh dan bernafas Islam. Hal ini ada kaitan dengan jiwa dan pendidikan Islam yang dilalui oleh penyajak, selain mempunyai tauliah mengajar agama oleh Majlis Agama Islam Kedah (Biodata dalam *KTSDS*, 2014).

Dalam prakata *KTSDS*, Anjanglie menyatakan bahawa "...sesungguhnya tiada daya dan upaya melainkan Dia." Dalam hal ini jelaslah pernyataan bahawa Allah Yang Maha Kuat/ Perkasa (Al-Aziz/ Al-Jabbar) dan Allah Yang Maha Mengetahui (Al-Alim). Selain itu, persoalan kasih sayang manusia terungkap dalam makna nama Allah Yang Maha Pengasih (Ar-Rahman) dan Ar-Rahim (Allah Yang Maha Penyayang). Bagi manusia, sifat dan perlakuan kasih sayang adalah sifat Allah Yang Maha seperti dalam puisi "Ke Rumah Baharu" (hal. 1), penyajak menyatakan:

Tatkala
bercantumcinta
... tersimpul diakadkan.

Benarlah bahawa puisi "Kita Tidak Selamanya Di Sini (2)" (h. 21) yang diangkat sebagai judul kumpulan puisi Anjanglie jelas menyatakan bahawa kita (manusia sebagai hamba-Nya) adalah tidak kekal seperti yang diungkapkan penyajak:

Di sini hanya sebuah persinggahan
...dalam sebuah pengembaraan paling besar
seorang manusia
...Di tanganmu ada peta maha agong
maha terpuji
... maha besar.

Dalam mengharungi kembara hidup, penyajak yang merasakan bahawa banyak kesalahan dilakukan, maka taubat adalah penyerahan mulia kepada-Nya. Penyajak mengungkapkan:

kesalahan mesti ditukar dengan ketaubatan
kerana kita tidak selamanya di sini
kita pasti pulang ke negeri asal.

Dalam hal ini, nama-nama Allah yang menyerapi dalam pernyataan penyajak adalah Al-Hamid (Yang Maha Terpuji), Al-Majid (Yang Maha Agong), Al-Tawwab (Yang Maha Menerima Taubat) dan Al-Afuwwu (Yang Maha Memafkan). Gesaan penyajak dalam puisi "Kepada Isteri Yang Bersalah" (h. 13) meyakinkan hamba-Nya bahawa Allah Maha Pemaaf (Al-Afuwwu), Allah Maha Menerima Taubat (Al-Tawwab), dan Allah Yang Maha Pengampun (Al-Ghafur). Penyajak mengungkapkan:

Pergilah memohon ampun dan maaf
... adalah reda Tuhan kepadamu.

Dalam puisi yang lain berjudul, "Di Dasar Kawah Kota" (h. 27) penyajak terkesan dengan kesalahan dan hukuman Allah atas apa yang telah dilakukannya dalam larik-larik berikut:

cukuplah selama ini hukuman
kerana kesalahan lampau
terima taubat kami
tautkan semula dalam cinta kasih-Mu.

Taubat dan pasrah itu mencantumkan kembali cinta hamba kepada Allah SWT.

ALLAH (ALLAH YANG BERHAK DISEMBAH)

Allah sebagai nama Tuhan Yang Maha Esa dijemakan dalam puisi "Benih Kecerdikan" (h. 100) seperti berikut:

...taat setia hanya kepada Allah
hayat berpandukan Rasul tercinta
tetap dalam syariat Islam.

Dalam puisi "Di Ribamu, Tahajud" (h. 99), dapat juga dikesan pengabdian penyajak sebagai hamba hanya kepada Allah SWT. Penyajak menyatakan:

Tiada sedikit pun membenciku
Oh...Tuhan/ terimalah aku sepenuh rahmat-Mu.

Begitu juga dalam "Kuhimpun Rindu" (h. 98), penyajak mengungkapkan /...semakin tebal rindu/ semakin enak berbaring di sisi-Nya/. Hal ini ditambah lagi dalam puisi "Sepatu Jihad" (h. 73) dengan ungkapan 'yang sanggup gugur kerana-Nya.'

Dalam konteks ini, jihad yang dimaksudkan adalah jihad kerana Allah. Dalam puisi "Benihan Cinta Di Taman Suci" (h. 23), pernyataan cinta penyajak terhadap Allah adalah jelas seperti dalam larik-larik berikut.

...lalu aku menyayangimu kerana Allah
kuharap engkau juga begitu.

NAMA-NAMA ALLAH YANG LAIN

Dalam kumpulan puisi *KTSDS* (2014), dapat dikesan secara langsung dan tidak langsung nama-nama Allah yang lain; selain yang disebutkan dalam huraian di atas. Dapat dikesan Al-Adil (Yang Maha Adil) dalam puisi "Percayalah, Hari Kepura-puraan Akan Lenyap" (h. 106) seperti diungkapkan penyajak:

/Kau pasti mendapat keadilan/
kerana pejuang agama adalah tetamu terhormat di sisi-Nya/.

Jelaslah apa jua kebaikan yang dilakukan oleh hamba-Nya akan mendapat hak keadilan daripada-Nya. Allah jugalah Yang Maha Memberi Balasan (Al-Muntaqim) dan menghukum terhadap setiap kesalahn atau kejahatan yang dilakukan oleh hamba-Nya. Perhatikan makna dalam puisi "Hidup Ini Berjual Beli" (h. 100), penyajak menyatakan:

Setiap modal yang diterima
bukan percuma daripada pandangan-Nya
eloklah berkira-kira
mudah-mudahan perniagaan kita
tidak kerugian di hari muka.

Dalam hal ini, pastinya Allah Yang Mengetahui (Al-Alim), Allah Yang Maha Memberi Manfaat/ Rahmat (Al-Naafi') dan Allah Yang Mendatangkan Kemudaratn (Al-Dhaar).

Hakikatnya kita sebagai hamba-Nya tidak memiliki apa pun, malahan apa yang kita tahu adalah amat terbatas. Hanya Allah Yang Maha Mengetahui (Al-Alim). Hakikat ini dengan penuh sedar diluahkan oleh penyajak dalam puisi "Persimpangan" (h. 113) yang merupakan puisi ke-99 dalam *KTSDS*. Penyajak menyatakan bahawa

Tatkala kau berada di persimpangan
hitam dan putih

Hanya kompas ilmu
yang mampu menunjuk jalan.

Ilmu yang menjadi petunjuk jalan yang benar (putih) adalah ilmu Allah yang membawa manusia ke jalan kebenaran-Nya.

Dalam puisi “Tuhan Tidak Pernah Tidur” (h. 91), judul dan isi puisi itu dapat mengaitkan nama-nama Allah; Al-Alim (Yang Maha Mengetahui), Al-Azhim (Yang Maha Agung), Al-Mubdi (Yang Maha Memulai), Al-Muiid (Yang Maha Mengembalikan), Al-Muhyi (Yang Maha Menghidupkan), dan Al-Mumiit (Yang Maha Mematikan). Perhatikan penyajak mengungkapkan Tuhan tidak pernah tidur.

ketika engkau menipu dan merakus
dengan tangan kuasamu.

Judul puisi ini termaktub makna dalam ayat Kursi (Al-Baqarah: Ayat 255) yang bermaksud “Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia. Yang Maha Hidup. Yang Kekal Selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhluk-Nya). Yang tidak mengantuk dan tidak tidur” (Ahmad Baei Jaafar, 2014, h. 225).

Nama Allah yang ke-99, iaitu Al-Sobur (Yang Maha Sabar) menyerapi dalam puisi berjudul “Wajah Ketakutanku” (h. 104). Perhatikan larik-larik yang disulamkan oleh penyajak:

Aku juga takut dengan cubaan
derita yang menyesatkan
telah ramai temanku
hilang sabar dan qanaah
saat menghadapinya.

Sifat Allah Yang Maha Sabar itu, jika pudar dan hilang dalam amalan hamba-Nya, akan hanyutlah arah kembara menuju akhirat. Hilangnya sifat sabar, menjadikan hamba-Nya angkuh atau sombong, sedangkan Allah Yang Maha Sombong/ Angkuh/ Megah (Al-Mutakabbir), dan bukan manusia sebagai makhluk ciptaan-Nya (Al-Khaliq. Yang Maha Pencipta) dan Al-Bari (Yang Maha Pembuat).

BERSIMPUPH DI RUMAH KUMPULAN PUISI *SEBENTAR DI SINI*

Penghayatan *Asmaul Husna* di dalam diri pengkarya (penyair/ penyajak) melalui bahasa sebagai media atau wahana, dimanifestasikan dalam karya, misalnya puisi, cerpen dan novel. Keberadaan pengkarya pula sebagai hamba-Nya pastilah secara vertikal (menegak) dengan Allah SWT dan horizontal dalam maksud hubungan antara manusia dengan manusia; manusia dengan alam dan makhluk lain ciptaan Allah SWT. Hubungan secara horizontal ini juga mengarah kepada hubungan vertikal yang pastinya tidak terpisah dengan Allah SWT.

Puisi dalam *Sebentar Di Sini (SDS)*, karya penyair Ria Asmira (2015) jelas dan nyata memantapkan *Asmaul Husna* sama ada dihayatinya secara tersurat atau tersirat. *SDS* memuatkan 73 buah puisi Ria Asmira yang dihasilkan pada 2003 (2 buah), 2006 (1 buah), 2007 (12 buah), 2008 (29 buah), 2009 (14 buah), 2010 (1 buah) 2011 (4 buah) dan 2012 (10 buah). Jika dihayati, 46 daripada 73 buah puisi (63%) mengungkapkan tema dan persoalan ketuhanan, keagamaan dan pernyataan mendekatkan diri dengan Yang Maha Pencipta, Yang Esa Allah SWT. Perhatikan puisi yang diangkat sebagai judul buku puisi ini, iaitu “Sebentar Di Sini” (h. 31).

Sebentar di sini
mencari keredaan-Mu
dalam kembara diri
saujana bumi luas saujana
harum wangi rahang musala

tempat mulia para pencinta
menyulam hidayah bunga pahala
dalam dakap khusyuk tawaduk
membuang resah duniawi
yang bertakhta di hati.
Sebentar di sini
selamanya di sana!

Puisi "Sebentar Di Sini" (h.31) jelas dan nyata memanasifestasikan Al-Baaqi (Yang Maha Kekal), iaitu hanya Allah SWT memiliki sifat kekal. Manusia sebagai hamba-Nya sifatnya tidak kekal atau sementara. Justeru, hamba-Nya berada di bumi ini hanya sebentar atau sementara sahaja, dan akan berada di alam akhirat buat selamanya, "Selamanya di sana!" Begitu juga nama Allah Al-Baqi (Yang Maha Kekal) dimanifestasikan dalam puisi "Kembara Hayat" (h. 7-8), "senandung bisik rindu kepada-Mu/ dalam jelma santapan rohaniku/ ... di negeri satu (*akhirat*)/ yang empunya nama dan tubuh milik-Nya abadi. Sedangkan kita/ sekadar pinjaman di ruang matakalbu ini" (h. 8). Dalam puisi "Bila Kekasih Mengajakku Pulang" terungkap "... bila Kekasih mengajakku pulang!" dan "... dia pulang ke negeri abadi" dalam puisi "Cinta Tukang Sapu" (h. 50). Manakala dalam puisi "Selamat Tinggal Sang Derita" (h. 3-4), penyajak mengungkapkan "...Cuma satu yang kucari/ damai hati dan tenteram ini/ dengan mendekati Tuhan!" Maksud ungkapan ini ialah pencarian damai dan tenteram hati penyajak dalam usaha mendekatkan diri kepada Allah SWT seperti apa yang dilafazkan dalam doa Iftitah.

Puisi "Menyirat Taubat" (h. 19-20) memanasifestasikan Al-Afuww (Yang Maha Pemaaf), Al-Ghoffar (Yang Maha Pengampun) dan At-Tawwab (Yang Maha Menerima Taubat). Perhatikan petikan puisi, "Kauhadir membawa rahmat dan keampunan Tuhanmu/ membasuh nanar dosa.../ ...ketaatan hamba kepada Khaliqnya/ ketika menyirat jala taubat/ dari kebatilan kepada kebenaran" (h. 19). Manakala dalam puisi "Sekiranya Kaurindu" (h. 9) dapat dikesan nama Allah Al-Muiz (Yang Maha Memuliakan), As-Sami' (Yang Maha Mendengar), Al-Muqtadir (Yang Maha Menentukan) dan Al-Baari' (Yang Maha Perancang atau Mengaturkan). Dalam rangkap pertama, dinyatakan hendaklah membaca dan menghayati al-Quran, rangkap kedua, lafazkan zikir dan rangkap ketiga, berselawat dan salam untuk dunia dan akhirat. Perhatikan baris-baris dalam puisi tersebut, "...kalimah suci dari Kitabullah/ ...dengan ratib dan zikir/ agar kau sentiasa tenang/ ...dengan selawat dan salam/ pada junjungan tercinta/ agar diri beroleh berkat..." (h. 9). Manakala puisi "Pada Menyatakan Syahdu Ini, Syawal" (h. 13-14), diungkapkan "syahdu zikir tasbih dan tahmid/ ujian Allah ada hikmahnya/ ...dengan izin kehendak-Nya" (h. 14). Hal yang sama dapat dikesan dalam puisi "Bijak Berfikir Bijak Berzikir" (h. 15-16), penyair mengungkapkan, "fikirlah sebaiknya sebelum berbelanja dana/ zikirlah sebaiknya mungkin sebelum terkikir..." (h. 16).

Allah Yang Maha Pencipta Keindahan (Al-Baadi') tergambar dalam puisi "Mengayak Peluang" (h.23-24), "Dan sepanjang pantai itu/ gelora cinta pun bersatu/ anugerah Ilahi penuh restu!" (h. 24). Begitu juga dalam puisi, "Limpahan Rahmat" (h. 25-26), imejan pantai dan keindahannya adalah ciptaan Allah SWT "...bulatkan syukur sepenuh hati/ tanda kasih kepada-Nya." (h. 26). Puisi lain yang diungkapkan tentang keindahan alam ciptaan-Nya ialah puisi "Wajah Subuh" (h. 39-40) seperti disimpulkan rasa hati penyair "putih bersih ke pundak takwa/ entah bertemu atau tidak (ditulis *atawa*)/ pada subuh esoknya!" (h. 40).

Dengan penuh yakin, hamba-Nya menganggap bahawa apa juga yang menimpa diri adalah ujian-Nya seperti dalam puisi "Berulangannya Sejarah" (h. 29-30), "Oh, Tuhan/ Apakah ini satu ujian/ atau khilaf secebis umat membuat honar... dengan warta malapetaka/ andai leka memejam suka..." (h. 30). Begitu juga dalam puisi "Sang Sakit" (h. 36-37) sakit adalah pemberian Allah yang terselit rahmat dan nikmat atau hikmahnya. Dalam hal ini penyair menyatakan, "Ya! Rabbi, hanya pada-Mu kuserahkan diri/ sesungguhnya sang sakit yang Engkau hadirkan ini/ adalah penawar segala kedukalaraan hidupku." Al-Khobir (Yang Maha Mengetahui atau Waspada), Al-Hafiz (Yang Maha Pemelihara/ Pelindung/ Penjaga), Al-Muntaqim (Yang Maha Pembalas/ Penyiksa). Setiap penyakit atau rasa sakit yang dialami setiap hamba-Nya adalah ujian-Nya dan kerana dosa yang dilakukan hamba-Nya. Rasa syukur penyair sebagai hamba-Nya terungkap dalam puisi "Tiket" (h. 38), "...untuk menuju ke sana/ yang hanya perlu bayar/ dengan harga iman dan saham takwa/ capai rahmat

penuh *syukuran*/ destinasi terakhir perjalanan ini!” (h. 38). Nama Allah yang dimanifestasikan dalam puisi ini ialah As-Syakur (Yang Maha Bersyukur/ Menghargai).

Puisi “Pecutan Terakhir” (h. 41), penyair mengajak hamba-Nya “Marilah kita muhasabah diri/ tingkatkan keimanan selepas ini .../ Ya, Rabbi/ sempatkah seorang aku/ menuju garis akhir ini! (?)/ menyatakan pasrah penyair kepada Allah SWT sebagai Al-Kholiq (Yang Maha Pencipta) dan Al-Baari’ (Yang Maha Perancang/ Menentukan/ Mengaturkan) perjalanan hidup setiap hamba-Nya dan segalanya dalam agenda Yang Maha Berkuasa (Al-Malik). Begitu juga dalam puisi “Menatap Hujan” (h. 43), diungkapkan “Ampuhkan hujan imanku/ ketika menatap hujan-Mu!” (h. 43) ada kaitan dengan perjalanan iman hamba-Nya yang disimbolikkan dengan “hujan” seperti diungkapkan juga “Esok bukan milik sendiri/ khabarnya malam tadi/ dia pulang ke negeri abadi/ membimbit segulung cinta hakiki” (h. 49-50). Benarlah Allah Yang Maha Pencipta (Al-Kholiq), Allah Yang Maha Hidup (Al-Hayyu) dan Al-Mumit (Yang Maha Mematikan).

Puisi “Di Rumah-Mu” (h. 93) benar-benar menyatakan betapa damainya penyair ketika berada di rumah Allah (masjid). Masjid yang dimaksudkan ialah Masjid Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor pada 7 Januari 2011. Penyair mengungkapkan “di rumah-Mu ini/ kutanam seberkas azam/ mencairkan sebongkah ego!” Benarlah hamba-Nya tidak memiliki sifat ego atau sombong kerana Allah Yang Maha Sombong/ Kebesaran). Manusia atau hamba-Nya yang memiliki sifat sombong sebenarnya mencuba memiliki sifat Allah itu (Al-Mutakabbir).

SEGALA-GALANYA ASMAUL HUSNA

Membaca dan menghayati puisi “Kita Tidak Selamanya Di Sini” dan “Sebentar Di Sini” sebenarnya adalah pernyataan *Asmaul Husna* dalam diri hamba-Nya dan dimanifestasikan di luar diri melalui niat, percakapan, dan apa juga perbuatan hamba-Nya. “Sebentar Di Sini” bukanlah sifat Allah SWT. Sifat-Nya Yang Maha Kekal (Al-Baaqi) dan Allah Yang Maha Pencipta (Al-Kholiq). Justeru, dalam kembara ke negeri abadi (akhirat), ternyata jelas manifestasi *Asmaul Husna* dalam al-Quran (Kalam Suci Allah SWT), dan penghayatan serta praktik oleh hamba-Nya dalam doa, solat, ungkapan, ucapan dan segala-galanya adalah milik Allah Yang Maha Berkuasa (Al-Malik). Selain itu, disulami dengan tasbih (Subha’Allah/ Maha Suci Allah), tahmid (Alhamdulillah/ Segala Puji Bagi Allah), takbir (Allahuakbar/ Maha Agung Allah), dan tahlil (La ilaha illAllah/ Tiada Tuhan Selain Allah) serta selawat dan salam kepada Nabi Muhammad Rasulullah SAW. Sebagai hamba dan ciptaan-Nya, Allah SWT menyatakan bahawa “Dan tidak Aku ciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadah kepada-Ku” (Adz-Dzariyaat: Ayat 56).

Kajian awal ini diharap dapat dimanfaatkan dalam usaha memahami puisi bernafas Islam, karya Anjanglie (nama pena bagi Ramli Bin Hashim) dan Ria Asmira (nama pena bagi Md. Yusof Bin Ali). Kajian terperinci dapat diusahakan terhadap data puisi atau prosa yang bernafas Islam supaya penghayatan *Asmaul Husna* dapat dimanfaatkan dan dipancarkan dalam karya sastera sama ada puisi atau prosa. Malahan *Asmaul Husna* boleh dijadikan kerangka model atau pendekatan dalam penghasilan karya sastera dan penelitian atau kajian terhadap teks karya sastera Islam atau beroh Islam.

RUJUKAN

- At-Thayyib: Al-Quran tranliterasi per kata dan terjemah per kata.* (2012). Kota Bekasi: Cipta Bagus Segara.
- Adil Akhya. (2010). *Kuasa ajaib Asmaul Husna*. Johor Bharu: Pustaka Azhar.
- Akmal Muhammad Zain. (2010). *Zikir Asma’al Husna & fadhilatnya*. (cetakan keempat). Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.
- Ali Akhbar Osman. (2010). *Asmaul Husna 99 nama Allah: Makna dan khasiat* (cetakan keenam). Batu Caves: Al-Hidayah.
- Fadzil Hj. Ahmad. (1986). *Hidup beribadat*. Alor Setar: Suriati Enterprise.
- Farhan Hadi. (2015). *Tuhan lebih saintifik. -----??Gurindam Dua Belas gubahan Raja Ali Haji(2003)*. Pekanbaru: Unri Press Pekanbaru.
- Hassan Mia. (2012). *Zikir Asma ul Husna: 99 nama Allah cahaya penawar, pelindung & pencapai hasrat keperluan harian*. (cetakan keenam). Kuala Lumpur: Darul Nu’man.
- Haikal H.Habibillah Al-Jabaly. (2014). *Mukjizat Asmaul Husna atasi segala masalah harian*. (terjemahan).

- Nabilah Abd. Jalil. Batu Caves: Al Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.
- Ismail Kamus dan Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid. (2009). *Indahnya hidup bersyariat: Modul fardu ain diri, keluarga dan masyarakat sepanjang hayat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Hasrul Shuhari. (2011). *Asma' al husna dan modal insan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd. Safian Zakaria. (2010). *Mukjizat zikir-zikir Asmaul Husna*. Batu Caves: Al-Risalah Product Sdn. Bhd.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat. (2015). *Asmaul Husna: Dengan nama-Mu aku hidup*. Sungai Buluh: Kemilau Publika Sdn. Bhd.
- Fatihuddin Abul Yasin. (2013). *Panduan solat dan solat-solat sunat*. Batu Caves: Al-Hidayah Publication.
- Ibnu Abdullah Aliman. (2012). *Berhenti merokok dengan Asmaul Husna*. Batu Caves: Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.
- Rafli Sabirin. (2014). *Senaman tauhid & Asmaul Husna*. Batu Caves: Pustaka Al-Ehsan.
- Ria Asmira. (2015). *Sebentar di sini*. Kuala Lumpur: ITBM.
- Siti Ramzani Rahman. (2009). *Hikmah 99 nama-nama Allah (Asmaul Husna)*. Puchong: Berlian Publications Sdn. Bhd.
- Sulaiman Alkumayi. (2012). *Kecerdasan berasaskan Asmaul Husna (cetakan keenam)*. Batu Caves: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Syahrin Jasah. (1998). *Asmaul ul Husna: Rahsia & amalan 99 nama Allah*. (cetakan kelima). Kuala Lumpur: Penerbit Darul Nu'man.
- Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran (30 juz)*. (1995). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Wan Maseri Bt Wan Mohd dan Ramlan Bin Razali. (t.t). *99 sifat mulia berasaskan Asmaul Husna*. (t.p).
- Wan Maseri. (2010). *Asmaul Husna: Atas nama-Mu aku merintih*. (cetakan keempat). Kuala Lumpur: Mustread Sdn. Bhd.
- Wan Maseri Bt Wan Mohd. (t.t). *Penjagaan kesihatan melalui penghayatan Asmaul Husna*. (t.p).
- Wan Maseri Bt. Wan Mohd. (t.t). *Ke arah solat yang lebih khusyuk dengan penghayatan Asmaul Husna*. (t.p).
- Wan Maseri Bt. Wan Mohd. (t.t). *Penghayatan Asmaul Husna di sepanjang bulan Ramadan*. (t.p).
- Wan Maseri Bt Wan Mohd dan Abd. Latiff bin Abdul Haliff. (2013). *Energi Asmaul Husna dalam pekerjaan (cetakan kedua)*. Kuantan: Three I Training and Consultancy.
- 99 nama-nama Allah*. (1990). Kuala Lumpur: FAR Publishing.
- Zakaria Bin Abdul Rashid. (2015). *Penghayatan Asmaul Husna dalam novel Tuhan Lebih Saintifik*. Projek Sarjana Sastera Pengajian Bahasa Melayu Kontemporari. Sintok: Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia (tidak diterbitkan).

LAMPIRAN A

Asmaul Husna dan Makna

- Allah. Yang menciptakan sekalian makhluk daripada tiada menjadi ada.
- Ar-Rahman. Yang Maha Pemurah.
- Ar-Rahim. Yang Maha Penyayang.
- Al-Malik. Yang Maha Merajai.
- Al-Quddus. Yang Maha Suci.
- As-Salam. Yang Maha Menyelamat.
- Al-Mu'min. Yang Maha Pemelihara Keamanan.
- Al-Muhaimin. Yang Maha Memelihara.
- Al-Aziz. Yang Maha Mulia.
- Al-Jabbar. Yang Maha Perkasa.
- Al-Mutakabbir. Yang Maha Megah.
- Al-Khaliq. Yang Maha Pencipta.
- Al- Bari. Yang Maha Pembuat.
- Al-Musawwir. Yang Maha Pembentuk.

Al-Ghaffar. Yang Maha Pengampun.
Al-Qahhar. Yang Maha Menguasai.
Al-Wahhab. Yang Maha Pemberi.
Ar-Razzaq. Yang Maha Pemberi Rezeki.
Al-Fattah. Yang Maha Membukakan.
Al-'Alim. Yang Maha Mengetahui.
Al-Qabidh. Yang Maha Penggenggam.
Al-Basith. Yang Maha Meluaskan.
Al-Khafidh. Yang Maha Menjatuhkan.
Ar-Rafi'. Yang Maha Meninggikan.
Al-Mu'izz. Yang Maha Memuliakan.
Al-Muzil. Yang Maha Menghinakan.
As-Sami'. Yang Maha Mendengar.
Al-Basir. Yang Maha Melihat.
Al-Hakim. Yang Maha Menetapkan Hukum.
Al-Adil. Yang Maha Adil.
Al-Latif. Yang Maha Halus/ Lembut
Al-Khabir. Yang Maha Bijaksana.
Al-Halim. Yang Maha Penyantun/ Penyabar.
Al-Azim. Yang Maha Agong.
Al-Ghafur. Yang Maha Pengampun.
As-Syakur. Yang Maha Mensyukuri.
Al-'Aliy. Yang Maha Tinggi.
Al-Khabir. Yang Maha Besar.
Al-Hafiz. Yang Maha Pemelihara.
Al-Muqit. Yang Maha Mencukupkan.
Al-Hasib. Yang Maha Penjamin.
Al-Jalil. Yang Maha Luhur.
Al-Karim. Yang Maha Pemurah.
Ar-Raqib. Yang Maha Mengawasi.
Al-Mujib. Yang Maha Mengabulkan.
Al-Wasi. Yang Maha Luas.
Al-Hakim. Yang Maha Bijaksana.
Al-Wadud. Yang Maha Mencintai.
Al-Majid. Yang Maha Mulia.
Al-Ba'its. Yang Maha Membangkitkan.
As-Syahid. Yang Maha Menyaksikan.
Al-Haq. Yang Maha Benar/ Hak.
Al-Wakil. Yang Maha Memelihara.
Al-Qawiy. Yang Maha Kuat.
Al-Matin. Yang Maha Teguh.
Al-Waliyy. Yang Maha Melindungi.
Al-Hamid. Yang Maha Terpuji.
Al-Muhsi. Yang Maha Menghitung.
Al-Mubdi. Yang Maha Memulai.
Al-Mu'id. Yang Maha Mengulangi.
Al-Muhyi. Yang Maha Menghidupkan.
Al-Mumit. Yang Maha Mematikan.
Al-Hayyu. Yang Maha Hidup.
Al-Qayyum. Yang Maha Berdiri Sendiri.
Al-Wajid. Yang Maha Mendapatkan.
Al-Majid. Yang Maha Luas Kemuliaan.
Al-Wahid. Yang Maha Esa.
Al-Ahad. Yang Maha Esa.

As-Shamad. Yang Maha Diperlukan.
Al-Qadir. Yang Maha Kuasa.
Al-Muqtadir. Yang Maha Menentukan.
Al-Muqaddim. Yang Maha Mendahulukan.
Al-Mu'akhir. Yang Maha Mengkemudiankan.
Al-Awwal. Yang Maha Awal.
Al-Akhir. Yang Maha Penghabisan.
Az-Zahir. Yang Maha Zahir.
Al-Batin. Yang Maha Batin.
Al-Wali. Yang Maha Menguasai.
Al-Muta'ali. Yang Maha Suci.
Al-Barr. Yang Maha Baik.
At-Tawwab. Yang Maha Penerima Taubat.
Al-Muntaqim. Yang Maha Menyiksa.
Al-'Afuww. Yang Maha Pemberi Maaf.
Ar-Rauf. Yang Maha Mengasihani.
Malikul Mulk. Yang Maha Menguasai Kerajaan.
Zul Jalali Wal Ikram. Yang Maha Memiliki Kebesaran dan Kemuliaan.
Al-Muqsit. Yang Maha Mengadili.
Al-Jami'. Yang Maha Mengumpulkan.
Al-Ghani. Yang Maha Kaya.
Al-Mughni. Yang Maha Mengayakan.
Al-Mani'. Yang Maha Menolak/ Menegah.
Ad-Dhar. Yang Maha Memudaratkan.
An-Nafi'. Yang Maha Memberi Manfaat.
An-Nuur. Yang Maha Bercahaya.
Al-Hadi. Yang Maha Pemberi Petunjuk.
Al-Badi'. Yang Maha Pencipta Yang Baru.
Al-Baqi. Yang Maha Kekal.
Al-Waris. Yang Maha Mewarisi.
Ar-Rasyid. Yang Maha Pemberi Petunjuk.
As-Sobur. Yang Maha Penyabar.

